

Pendatang tanpa izin masalah UM 17 MAR 1990 besar di Sabah

SHAH ALAM 16 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah tertentu perlu diambil untuk mengatasi masalah kedatangan pendatang tanpa izin di Sabah kerana ia semakin menjadi masalah besar di negeri itu.

Menurut beliau, jumlah pendatang tanpa izin dari Indonesia dan Filipina di negeri itu sudah hampir separuh dari jumlah seluruh penduduk Negeri Sabah.

"Kita memang menghadapi masalah kehadiran pendatang tanpa izin di Sabah. Kita mesti keluarkan mereka," ujarnya kepada para wartawan di kilang perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (Proton) di sini pagi ini.

Sebelum itu, beliau merasmikan majlis pecah tanah tapak projek kilang pengeluaran komponen dan pemasangan transmisi enjin Proton Saga bersebelahan kilang kereta nasional yang sedia ada sekarang.

Beliau menyatakan demikian bagi mengulas tindakan

Oleh
Razif Ahmad

Dewan Undangan Negeri Sabah meluluskan suruhanjaya penyiasat untuk menyiasat kegiatan pengeluaran kad pengenalan palsu kepada pendatang tanpa izin di negeri itu.

Kata Perdana Menteri, suruhanjaya yang hendak ditubuhkan itu adalah untuk menyiasat masalah berkenaan di peringkat Negeri Sabah sahaja.

Beliau menambah, kegiatan mengeluarkan kad pengenalan palsu dan kehadiran pendatang tanpa izin juga berlaku di Semenanjung.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Kurup yang membentangkan usul menubuhkan suruhanjaya penyiasat itu di Dewan Undangan Negeri semalam menyatakan, kini terdapat percubaan untuk mendaftarkan 60,000 pendatang tanpa izin di negeri itu.

Datuk Kurup mendakwa, kumpulan tertentu mengeluarkan kad pengenalan palsu warna biru kepada pendatang tanpa izin bagi membolehkan mereka mengundi dalam pilihanraya umum akan datang.

Menjawab satu pertanyaan lain berhubung dengan langkah memberikan 4.9 peratus saham dalam Klang Container Terminal di Pelabuhan Klang kepada para pkerjanya, Perdana Menteri berkata, ia adalah langkah yang adil dan wajar.

"Bagaimanapun ini tidak bermakna peratusan pemberian saham yang sama akan dikenakan ke atas projek penswastaan yang lain," ujarnya.